

28/08/1999

Jangan leka: PM (HL)

Zulkofli Jamaludin; Saidon Idris; Halim Yusoff; Azli Ayob  
KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bimbang harapan terlalu tinggi rakyat terhadap ekonomi negara yang sedang pulih sekarang, menyebabkan mereka leka.

Perdana Menteri berkata, harapan yang terlalu tinggi menghasilkan rasa puas hati rakyat sedangkan pemulihan ekonomi menuntut dedikasi, iltizam dan kesinambungan daripada mereka.

"Kita sudah menjengah keluar dari belukar tetapi kita belum lagi keluar dari belukar itu. Kita tidak ragu-ragu lagi akan menyaksikan pertumbuhan sederhana tahun ini, tetapi kecacatannya masih ada.

"Kadar tukaran tetap dan kawalan modal berpilih membantu menyediakan suasana sesuai bagi menggerakkan ekonomi dan menyusun semula sistem perbankan. Banyak yang telah kita buat," katanya dalam dialog di Seminar Ramalan Dagangan Malaysia, di sini hari ini.

Dialog itu turut dihadiri tokoh ekonomi antarabangsa, Prof Paul Krugman, serta tokoh korporat dan kewangan tempatan serta luar negara.

Dr Mahathir berkata, ekonomi negara masih rapuh dan risikonya masih ada walaupun kerajaan sudah mengambil banyak langkah bagi memulihkan semula ekonomi.

Katanya, tidak ada cara mudah dan kerajaan realistik apabila tidak membuat jangkakan.

"Bagaimanapun proses pemulihan adalah perlahan dan bukan tanpa keperitan. Sebahagian besar masalah adalah perbezaan antara perkataan dan perbuatan. Halangan besar daripada mereka yang mempunyai kepentingan tidak harus dipandang rendah.

"Sebagai sebuah negara demokrasi, kita tidak boleh memaksa orang membuat apa yang mereka tidak mahu lakukan. Lagipun, selagi kecacatan dalam sistem kewangan antarabangsa tidak diperbetulkan, negara-negara kecil adalah seperti perahu di lautan bergelora yang mudah karam," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, sebarang cubaan mengekalkan kepentingan beberapa pedagang mata wang, akan menafikan usaha untuk melihat perubahan pada sistem kewangan antarabangsa dilaksanakan secepat mungkin.

Malaysia, kata Dr Mahathir, percaya kepada konsep pasaran bebas tetapi ia hanya sebagai bahan kepercayaan, bukan satu agama.

"Pasaran bebas adalah sistem yang tidak sempurna yang direka manusia yang tidak sempurna. Ia hanya harus dituruti jika memberikan hasil yang dikehendaki.

"Jika tidak, kita tidak harus takut untuk mengkaainya semula bagi membuat perubahan atau sebagai pilihan terakhir, bagi menyingkirkannya saja," katanya.

Beliau berkata, masalah pasaran bebas, seperti juga dengan semua sistem lain, adalah kecenderungan untuk memperluaskan tafsirannya.

"Apabila pasaran bebas diterima pakai, tiada orang yang benar-benar memikirkan mata wang harus dianggap sebagai komoditi dan diniagakan seperti kopi atau gandum.

"Ia wujud kemudian apabila bijak pandai di pusat kewangan berasa mereka boleh mendapatkan wang dengan mudah secara menjualnya dalam pasaran bebas," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan percaya kepada pasaran bebas kerana hasil yang dijanjikan. Bagaimanapun, apa yang dilihat bukan saja hasil dijanjikan itu tidak dicapai, malah apa yang dicapai dimusnahkan secara sistematik oleh sistem pasaran bebas.

"Sebagai seorang doktor, saya diajar supaya menghapuskan punca penyakit dalam mengubati pesakit. Oleh itu, dengan menghalang mata wang Malaysia daripada jatuh ke tangan pedagang mata wang, manipulasi terhadap kadar tukaran kita tidak mungkin dilakukan," katanya.

(END)